

16 OCT 2003

OIC-Rasmi/I

SIDANG KEMUNCAK OIC BERMULA DENGAN MALAYSIA AMBIL ALIH JAWATAN PENERUS

PUTRAJAYA, 16 Okt (Bernama) -- Para pemimpin Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) memulakan sidang kemuncak mereka di sini hari ini dengan matlamat memberikan hala tuju baru kepada dunia Islam di tengah-tengah cabaran politik dan ekonomi yang baru.

Sesi itu, yang diadakan di Pusat Konvensyen Putrajaya di sini, dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci al-Quran.

Selepas ucapan oleh Emir Sheikh Hamad Bin Khalifa Al Thani dari Qatar, pengerusi Sidang Kemuncak OIC ke sembilan, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengambil alih selaku pengerusi dan seterusnya menyampaikan ucapan pembukaannya.

Dr Mahathir juga memberitahu perhimpunan itu bahawa umat Islam dunia yang berjumlah 1.3 bilion menyandarkan harapan mereka kepada para pemimpin itu meskipun mereka mungkin "bersikap sinis terhadap keazaman dan keupayaan kita."

Pada prosiding hari ini, Raja Mohamed VI dari Maghribi, iaitu pengerusi Jawatankuasa Al Quds dan perwakilan dari kumpulan yang mewakili Afrika, Arab dan wilayah Asia akan berucap.

Ia diikuti ucapan oleh Setiausaha Agung OIC Dr Abdelouahed Belkeziz selain Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga akan berucap.

Setiausaha Agung Liga Arab Amr Moussa dan Pengerusi Kesatuan Afrika akan turut menyampaikan ucapan masing-masing.

Pada sesi kedua, mesyuarat itu akan menerima pakai agenda dan program kerja. Para pemimpin itu akan mengemukakan laporan pengerusi Sidang Kemuncak OIC kesembilan dan pelbagai laporan jawatankuasa yang lain.

Selepas laporan Setiausaha Agung OIC, sesi itu akan meneliti laporan dan perakuan Mesyuarat Persediaan Peringkat Menteri.

-- BERNAMA

SKH MKO ROS